

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKA
(PERKILANGAN)
KAJIAN KEJURUTERAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

MALAYSIAN NAILS

CLEH :
ISAM B : IDRIS
ROSLAN B : SEPARI

MEI 1993

PENGHARGAAN

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada mereka yang sedikit sebanyak telah terlibat dalam menjayakan projek ini.

Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penasihat Projek kami, Cik Anizah Kalam diatas segala nasihat dan pandangan yang diberikan untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir kami ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah kajian kejuruteraan Mekanikal yang lain.

Diucapkan terimakasih juga kepada pengusaha-pengusaha kilang paku yang telah memberikan maklumat dan penerangan yang berkaitan dengan tajuk projek tahun akhir kami ini terutamanya kepada

1. En. K.I.Choong
Signode Metal Malaysia Sdn.Bhd.
Lot 1367, Jalan Kapar,
Klang,
Selangor Darul Ehsan.
2. En.Pros P.Repolona
Soon Seng Group (Malaysia Steel Wire Sdn.Bhd.)
29E Jalan Tadang,
Seksyen 51,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-7911611.

KANDUNGAN

Prakata

Penghargaan

Jadual Ringkasan Projek

BAB 1 : Pendahuluan

- 1.1 Pengenalan Projek
- 1.2 Tujuan dan Skop Projek
- 1.3 Masalah
- 1.4 Sejarah
- 1.5 Perkembangan Paku Di Malaysia

BAB 2 : Proses Membuat Paku

- 2.1 Carta Aliran Proses
- 2.2 Gambarajah Proses
- 2.3 Pemprosesan Paku
 - 2.3.1 Gulungan Rod Wayar Dari Pembekal
 - 2.3.2 Penarikan Rod Wayar
 - 2.3.3 Draw Benches
 - 2.3.4 Pelinciran
 - 2.3.5 Mekanisma penarikan Rod Wayar
(Penarikan Wayar)
 - 2.3.6 Pembentukan Paku
 - 2.3.7 Pembersihan
 - 2.3.8 Pembungkusan
 - 2.3.9 Pasaran

BAB 6 : Cadangan

6.1 Rekabentuk Baru

6.2 Perlindungan daripada Kakisan (Karat)

6.2.1 Penyalut Zink

6.2.2 Penyalut Cadmium

6.2.3 Penyalut Aluminium

Kesimpulan

Lampiran

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN PROJEK

Seperti yang telah diketahui bahawa Projek Tahun Akhir kami ini adalah lebih tertumpu kepada penyelidikan paku yang terdapat di Malaysia. Tetapi kami tidak membuat tinjauan menyeluruh diserata Malaysia untuk melihat perkembangan yang berlaku samada dari segi teknologi pembuatan, pasaran, pesaing dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna dan pengusaha kilang paku itu sendiri. Ini memandangkan keupayaan kami yang terbatas sebagai pelajar. Setelah berbincang dengan penasihat projek maka kami mengambil keputusan untuk mengkaji hanya bagi kawasan yang berhampiran dengan Shah Alam sahaja iaitu Klang, Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.